

13/10/2001

Dr Mahathir boleh perbetul tanggapan negatif Barat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Seorang wartawan kanan Arab berpendapat, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, antara pemimpin Islam yang lantang bersuara terhadap Barat, boleh membantu memperbetulkan tanggapan negatif Barat terhadap Islam.

Timbalan Ketua Pengarang Arab News di Jeddah, Jamal Khashoggi, berkata dunia Barat mempunyai agenda tersembunyi untuk melebarkan jurang antara orang Islam dan dunia keseluruhannya dalam kempen Amerika Syarikat menentang penganas sekarang.

"Mereka terutama media Barat kerap melabelkan orang Islam sebagai penganas. Dalam hal ini, Dr Mahathir boleh membantu. Perdana Menteri anda amat dihormati oleh negara Arab," katanya dalam satu temuramah melalui telefon dari Jeddah.

Khashoggi adalah satu-satunya wartawan paling rapat dengan Osama bin Laden, jutawan Arab Saudi dalam buangan yang didakwa Amerika Syarikat sebagai orang bertanggungjawab dalam serangan ke atas New York dan Washington 11 September lalu.

Menurutnya, Osama, 44, memang dikenali di kalangan masyarakat Arab dan mempunyai personaliti yang jauh berbeza daripada tanggapan umum, terutama seperti digambarkan media Barat.

Bagaimanapun, katanya, militan Taliban yang menyokong Osama tidak popular di kalangan masyarakat Arab Saudi, malah tiada siapa mahu diperintah rejim itu.

"Jika anda tidak mahu golongan militan menguasai Malaysia, bermakna anda juga tidak sukakan Taliban. Rakyat Malaysia pun saya fikir tidak suka Taliban jika mereka tahu siapa Taliban," katanya.

Khashoggi berkata, kenyataan Osama menerusi televisyen Al-Jazeera Ahad lalu yang bersumpah bahawa penduduk Amerika tidak lagi boleh hidup selesa selagi masalah Palestin tidak diselesaikan, menawan hati masyarakat Islam sejagat.

(END)